



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PENAFIAN LHDNM BERHUBUNG ANALISA BAJET 2017

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengesan beberapa blog yang menyiarkan satu kenyataan yang kononnya merupakan Analisa Bajet 2017 oleh LHDNM. Lebih mendukacitakan apabila “analisa” berkenaan telah menjadi viral di media sosial terutamanya *facebook* dan aplikasi *WhatsApp*.

Justeru, LHDNM dengan ini **menafikan** telah mengeluarkan sebarang analisa berhubung Bajet 2017 seperti yang terkandung dalam kenyataan tersebut. LHDNM juga mengesahkan analisa tersebut **tidak** dikeluarkan oleh mana-mana pegawai LHDNM dan menganggap ia adalah perbuatan pihak yang tidak bertanggungjawab yang mahu mencetuskan kekusaran awam dan salah faham dalam kalangan rakyat.

LHDNM mempertimbangkan untuk melaporkan perkara ini kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi siasatan lanjut kerana menyebarkan

maklumat palsu yang boleh menjatuhkan imej dan kredibiliti LHDNM. Menurut Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, penyebaran maklumat yang tidak betul adalah satu kesalahan dan pesalah boleh dijatuhkan hukuman penjara jika sabit kesalahan.

LHDNM turut ingin menasihatkan orang ramai agar merujuk secara terus Portal Rasmi LHDNM di pautan www.hasil.gov.my, Portal Kementerian Kewangan Malaysia di pautan www.treasury.gov.my dan Agensi-Agensi Kerajaan berkaitan bagi mendapatkan data-data ekonomi yang lebih tepat serta sahih.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 24 Oktober 2016